

## MITOS DAN FAKTA BERHUBUNG PEMANDULAN

**MITOS :** *Takut haiwan peliharaan saya menjadi gemuk dan malas.*

**FAKTA :** Sebenarnya kebanyakan haiwan peliharaan menjadi gemuk dan malas kerana diberi makan berlebihannya tanpa senaman yang mencukupi.

**MITOS :** *Lebih baik mempunyai anak daripada seperinduk dahulu.*

**FAKTA :** Bukti perubatan menunjukkan sebaliknya. Sebenarnya bukti menunjukkan bahawa haiwan peliharaan betina yang dimandulkan sebelum mereka mula 'datang bulan' kebiasaannya lebih sihat. Kini ramai pakar veterinar memilih untuk memandulkan anjing/kucing peliharaan seawal berumur 8 minggu lagi. Tanya pakar veterinar anda tentang waktu yang sesuai untuk melakukan prosedur ini.

**MITOS :** *Anak-anak saya patut mendapat pengalaman melihat keajaiban kelahiran.*

**FAKTA :** Walaupun anak-anak anda dapat melihat haiwan peliharaan mereka beranak – kemungkinan tidak kerana ia berlaku pada waktu malam dan sunyi dari gangguan – pengajaran yang anak-anak anda perolehi ialah bahawa binatang boleh di cipta dan kemudian diabaikan mengikut sesuka hati orang dewasa. Sebaiknya kefahaman yang perlu ditanamkan kepada mereka ini ialah betapa ajaibnya nyawa itu sendiri dan betapa dengan mengelakkan kelahiran sesetengah haiwan peliharaan boleh menyelamatkan nyawa haiwan yang lain pula.

**MITOS :** *Saya mahu anjing saya menjadi pelindung.*

**FAKTA :** Pemandulan tidak menjejaskan ketangkasan anjing peliharaan untuk melindungi rumah dan keluarga anda. Perwatakan seekor anjing terbentuk oleh fakta genetik serta persekitarannya dan bukan dari ketentuan hormon seksnya.

**MITOS :** *Saya tidak mahu anjing/kucing jantan saya menjadi kurang 'jantan'.*

**FAKTA :** Binatang peliharaan anda tidak mempunyai konsep identiti seksual ataupun ego. Hakikatnya proses pemandulan tidak merubah perwatakan hakiki binatang peliharaan anda. Mereka juga tidak merasakan sebarang tindakbalas emosi atau krisis identiti bila dimandulkan.

**MITOS :** *Anjing/Kucing saya sungguh istimewa, saya mahukan anak-anak anjing/kucing yang serupa dengannya.*

**FAKTA :** Anjing atau kucing boleh menjadi seekor haiwan peliharaan yang hebat tetapi itu tidak bermakna anak-anaknya juga akan mengikut menjadi seperti nya. Penternak haiwan professional juga tidak dapat memberi jaminan akan mendapat anak-anak anjing/kucing seperti yang mereka inginkan walaupun telah mengikut baka keturunan yang bergenerasi lamanya. Kemungkinan juga anak-anak haiwan tersebut hanya mengikut ciri-ciri buruk daripada baka ibu atau bapanya sahaja.

**MITOS :** *Saya akan mencarikan rumah yang baik bagi anak-anak anjing/kucing ini.*

**FAKTA :** Anda berkemungkinan boleh mencarikan tempat tinggal yang sesuai bagi kesemua anak-anak anjing/kucing anda. Tetapi anda harus ingat bahawa bagi setiap rumah yang berjaya anda dapatkan bagi anak-anak anjing/kucing itu bermakna anda telah menafikan pula hak perlindungan bagi haiwan-haiwan yang lama terbiar di pusat-pusat perlindungan. Mereka ini lebih memerlukan tempat untuk berteduh. Bahkan setiap anak-anak anjing/kucing tersebut akan beranak pula dalam tempoh kurang dari setahun – maka semakin bertambahlah lagi bilangan populasi haiwan ini.

Ringkasnya masalah 'lebih penduduk' dikalangan binatang peliharaan ini terjadi dan bermula daripada hanya seperinduk pada satu-satu masa.